



Kos sara hidup mereka juga perlu dibantu dari segi bantuan sara hidup dan juga membimbing mereka untuk menjalankan gaya hidup yang tidak berasaskan hutang”

Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pensyarah Kanan Putra Business School UPM



Penguatkuasaan undang-undang sedia ada berkaitan anti pencatutan dan kawalan harga adalah penting kerana kita perlu memastikan pengguna tidak menjadi mangsa syarikat tidak bertanggungjawab”

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd



Ketidaksamaan kekayaan adalah fenomena global. Dalam jangka panjang dan jika situasi ini berterusan, kerajaan akan berdepan ketidakstabilan sosial dan politik”

Kamaruddin Mohd Nor,
Ketua Ahli Ekonomi MIDF Amanah Investment Bank Bhd

Jurang besar kekayaan perlu ditangani

Ketidaksamaan jurang kekayaan yang membimbangkan, boleh menjadi penghalang kepada pertumbuhan ekonomi negara, selain menjejaskan kestabilan sosial dan politik, kata ahli ekonomi.

Ahli ekonomi berkata, jurang kekayaan lebih besar akan menyebabkan pertumbuhan lemah perbelanjaan persendirian, yang selama ini menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, memandangkan harga barangan dan perkhidmatan akan menjadi lebih mahal serta tidak mampu dimiliki.

Ini diburukkan lagi dengan persekitaran semasa perang perdagangan dan hutang awam negara yang tinggi, tambah mereka.

Permintaan domestik, prestasi perdagangan dan perbelanjaan awam adalah komponen utama pertumbuhan ekonomi.

“Impak jangka panjang masalah kos sara hidup akan berterusan.

Perbelanjaan persendirian tidak mampu lagi menjadi pemacu penting pertumbuhan ekonomi,” kata Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Zakariah Abdul Rashid kepada NSTP.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai laporan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) - Laporan Keadaan Isi Rumah 2018: Realiti Berbeza, mengenai isi rumah di Malaysia kini berkedudukan lebih baik berbanding generasi sebelumnya, namun masih ada jurang dari segi pendapatan dan pekerjaan yang perlu diatasi.

Zakariah menambah, cukai tidak langsung tidak lagi mencukupi dan berkesan untuk menjadi sumber pendapatan sektor awam.

Bagi menangani isu ini, Zakariah menjangkakan kerajaan akan memperkenalkan dasar pada Bajet 2019 akan datang, yang akan menumpukan kepada golongan

berpendapatan rendah dan pertengahan, selain sektor swasta bagi menggalakkan produktiviti serta meningkatkan output.

Atasi jurang pendapatan ketara
Pensyarah Kanan Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata kerajaan dijangka melaksanakan langkah segera dengan mengenal pasti golongan berpendapatan rendah, terutama sejuta isi rumah bagi mengatasi jurang pendapatan yang ketara di Malaysia.

Katanya, golongan berkenaan perlu dibantu daripada segi usaha untuk meningkatkan pendapatan menerusi penawaran peluang pekerjaan yang sesuai, meningkatkan kemahiran dan juga peluang pendidikan.

“Selain itu, kos sara hidup mereka juga perlu dibantu dari segi bantuan sara hidup dan juga

membimbing mereka untuk menjalankan gaya hidup yang tidak berasaskan hutang,” katanya.

Beliau berkata, peningkatan jurang pendapatan berlaku antara T20 (kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi) dengan M40 dan B40 adalah sedia tinggi.

“Jadi sebarang peratusan peningkatan pendapatan T20 memberikan jumlah pendapatan secara relatif lebih tinggi berbanding golongan M40 dan B40,” katanya.

Ketua Ahli Ekonomi MIDF Amanah Investment Bank Bhd, Dr Kamaruddin Mohd Nor, pula berkata jurang antara golongan kaya dan miskin tidak membimbangkan.

“Ketidaksamaan kekayaan adalah fenomena global. Dalam jangka panjang dan jika situasi ini berterusan, kerajaan akan berdepan ketidakstabilan sosial dan politik.

“Kadar jenayah akan meningkat, khidmat kesihatan awam bertam-

bah buruk, tahap pendidikan lebih rendah, sekali gus menjejaskan pertumbuhan jangka panjang negara,” katanya.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata impak negatif daripada pembesaran jurang kekayaan termasuklah masalah kehilangan tenaga kerja kerana pekerja berkemahiran mahu mencari kerja berpendapatan lebih tinggi di tempat lain.

“Menangani isu-isu berkaitan kos sara hidup amatlah mustahak kerana apa yang penting adalah pendapatan sebenar, iaitu pendapatan selepas diselaraskan dengan kadar inflasi.

“Dari segi itu, penguatkuasaan undang-undang sedia ada berkaitan anti pencatutan dan kawalan harga adalah penting kerana kita perlu memastikan pengguna tidak menjadi mangsa syarikat tidak bertanggungjawab,” katanya.